

J. Bio Pain Relief Cool Patch

Methyl Salicylate 3.47% w/w / l-Menthol 2.31% w/w /Mentha Oil 1.16% w/w /dl-Camphor 1.62% w/w /Thymol 0.23% w/w

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Pain Relief Cool Patch
2. Bagaimana Pain Relief Cool Patch berfungsi
3. Sebelum menggunakan Pain Relief Cool Patch
4. Cara menggunakan Pain Relief Cool Patch
5. Semasa menggunakan Pain Relief Cool Patch
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Pain Relief Cool Patch
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Pain Relief Cool Patch

Untuk melegakan ketegangan dan kesakitan otot, sendi-sendi tulang, lebam-lebam, salah urat dan kelenguhan.

Bagaimana Pain Relief Cool Patch berfungsi

Thymol adalah disinfektan yang mempunyai ciri-ciri anti kulat. Camphor bertindak sebagai mengembungkan saluran darah dan meningkatkan aliran darah dan melegakan sakit ringan. Menthol dan methyl salicylate mengembungkan saluran darah, menyebabkan rasa sejuk diikuti dengan kesan melegakan kesakitan.

Sebelum menggunakan Pain Relief Cool Patch

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan gunakan Pain Relief Cool Patch pada kanak-kanak dibawah umur 2 tahun. Jangan gunakan jika anda alah pada komponen plaster

- Sebelum menggunakan Pain Relief Cool Patch

Dapatkan nasihat doktor atau ahli f.umasi anda sebelum menggunakan Pain Relief Cool Patch. Maklumkan doktor atau ahli farmasi sekiranya anda mempunyai sebarang alahan kepada ubat-ubatan lain.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doctor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat lain,

termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Cara menggunakan Pain Relief Cool Patch

- Berapa banyak harus digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi. Produk ini adalah untuk kegunaan dibahagian luaran sahaja.

Bersihkan bahagian yang sakit dengan sabun dan air, keringkan seterusnya tempal Pain Relief Cool Patch pada tempat yang sakit sekali atau dua kali sehari. Jangan biarkan melebihi daripada 8 jam, dan tanggalkan selepas 8 jam.

- Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Dewasa dan Kanak-kanak berumur lebih 12 tahun: Tampalkan pada bahagian yang sakit sekali atau dua kali sehari. Jangan biarkan lebih daripada 8 jam. Tanggalkan tampalan selepas 8 jam digunakan.

Kanak-kanak berumur 2 hingga 12 tahun: Sila rujuk ahli farmasi atau doktor anda

- Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Penyediaan ini akan memberi kesan yang baik jika anda mengikuti sebagaimana arahan yang disyorkan.

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan

walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Semasa menggunakan Pain Relief Cool Patch

- Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Pain Relief Cool Patch

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berkongsi Pain Relief Cool Patch dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Penyediaan ini tidak disyorkan untuk digunakan pada luka terbuka.

Langkah berjaga perlu diberi perhatian apabila kanak-kanak dirawat. Ia berbahaya untuk meletakkan apa-apa produk yang mengandungi camphor pada lubang hidung kanak-kanak. Amaun yang sedikit digunakan dengan cara ini boleh menyebabkan pengsan. Elakkan terkena mata atau pada membran mukus.

Produk ini mengandungi methyl salicylate dan apabila digosok pada kulit, ianya boleh meresap melalui lilit ke dalam saluran darah.

Bagi pesakit yang mengambil warfarin, penggunaan berlebihan pada kulit untuk sakit otot atau sendi berkemungkinan dapat meningkatkan peluang pendarahan.

Kesan-kesan sampingan

Pesakit yang hipersensitif kepada komponen ubat.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.moh.gov.my (Consumers ----> Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI).

Cara penyimpanan dan pelupusan Pain Off Cool Patch

- Penyimpanan

Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak.

Simpan dibawah suhu 30°C.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Pes ubat berwarna putih hingga putih keabu-abuan muda, disalut dengan fabrik bukan tenunan dan mempunyai bau khas.

Setiap keping berukuran 14 cm × 10 cm

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif

- Methyl Salicylate
- l-Menthol
- dl-Camphor
- Mentha Oil (26.3mg as Menthol)
- Thymol

- Bahan tidak aktif

- Kaolin
- Zinc Oxide
- Titanium Oxide
- Gelatin
- Concentrated Glycerin
- Liquid paraffin (Mineral oil)
- Carboxymethylcellulose Sodium
- Polybutene
- Sodium Polyacrylate
- Butylated Hydroxy Toluene
- Polysorbate 60
- PVM and MA Copolymer
- Rubber Latex
- Purified water
- Citric Acid Hydrate
- Polyester Film
- Nonwoven Fabric
- Adhesive Sheet

- Nombor MAL

MAL25086039X

Pengilang

Jeil Health Science Inc.
(Building B) 7, Cheongganggachang-ro,
Baegam-myeon, Cheoin-gu,
Yongin-si, Gyeonggi-do, Korea, South

Pemegang Pendaftaran Produk

J. Bio Medic Marketing Sdn. Bhd,
Lot 8839, No. 162-C, Section 64, 1st
Floor, Jalan Sekama 93300, Kuching,
Sarawak, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

02/12/2025

Nombor siri: NPRA (R2) 25/102